

KENYATAAN MEDIA

PERTANDINGAN DAN PAMERAN KARTUN ANTARABANGSA KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA 2021.

KAJANG, 26 FEBRUARI 2021 – Kartun sering dianggap sebagai bahan jenaka untuk menghiburkan hati. Namun, sebenarnya tidak ramai mengetahui kuasa kartun juga mampu memberi impak besar dalam menyampaikan sesuatu maklumat atau mesej. Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dengan kerjasama Balai Kartun Rossem (BKR), Malaysia menganjurkan pertandingan melukis kartun yang bertemakan "**Ke Arah Jalan Raya yang Selamat**". Pertandingan yang julung kali diadakan itu bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada kartunis seluruh negara untuk mengambil bahagian dan berkongsi idea serta kreativiti mereka dalam menyampaikan mesej keselamatan jalan raya.

Sejajar dengan perkembangan sains dan teknologi, pemilihan medium kartun ini bukan sekadar menjadi platform perkongsian ilmu malah ia secara tidak langsung dapat memudahkan orang awam untuk memahami mesej yang disampaikan dengan lebih senang. Penggunaan warna dan pengolahan lukisan yang menarik telah terbukti mampu untuk menarik perhatian dan menguatkan ingatan seseorang apabila melihat lukisan tersebut.

Justeru, dengan penganjuran pertandingan ini, objektif serta matlamat MIROS dan BKR dalam meningkatkan dan memupuk kesedaran orang awam terhadap keselamatan jalan raya dapat direalisasikan dengan penghasilan bahan kempen yang kreatif dan berkesan.

Pertandingan dan Pameran Kartun Antarabangsa Keselamatan Jalan Raya Malaysia ini dibuka untuk penyertaan bermula 28 Januari sehingga 28 Mac 2021.

Pemenang utama pertandingan ini akan menerima wang tunai RM1,500.00, naib johan akan menerima wang tunai RM1,200.00 manakala tempat ketiga akan membawa pulang wang tunai RM1,000.00 dan saguhati kepada tiga (3) pemenang

yang akan membawa pulang wang tunai RM500.00. Semua peserta yang karyanya akan dipamerkan akan menerima katalog digital dan sijil penyertaan digital.

“MIROS sentiasa peka dalam mencari inisiatif untuk memberi nilai tambah dan pembaharuan ke arah memperluaskan lagi promosi dan advokasi kempen keselamatan jalan raya melalui medium yang berbeza. Penghasilan kartun keselamatan jalan raya ini diharapkan dapat diperluaskan penggunaannya kerana informasi yang diterapkan melalui lukisan kartun dapat menyentuh hati pengguna jalan raya dengan lebih dalam dan berkesan.”,kata Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar Abu Kassim, Ketua Pengarah MIROS.

Untuk maklumat lanjut dan syarat penyertaan, sila layari pautan ini <https://www.miros.gov.my/xs/page.php?id=953> .

###

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: inquiry@miros.gov.my

-